

**NO. SOALAN : 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[TANAH MERAH]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7163**

**SOALAN:**

**Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan apakah faktor yang menyebabkan sejak  
kebelakangan ini semakin ramai individu atau pihak berani membuat  
kenyataan yang boleh menyinggung perasaan kaum lain dan sensitiviti  
agama lain.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara dan kebebasan bersuara yang diberikan itu mestilah mempunyai batasan agar tidak menyinggung perasaan kaum dan sensitiviti agama lain. Ini kerana negara kita adalah terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama dan adat resam yang berbeza. Namun ada segelintir kumpulan atau individu tertentu telah mengambil kesempatan dan menyalahgunakan kebebasan yang diberi oleh Kerajaan. Pada masa yang sama kebebasan menggunakan media sosial juga dengan cara yang tidak berhemah adalah antara penyumbang kepada permasalahan ini.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Di samping itu juga, segelintir kumpulan dan individu ini juga dilihat semakin berani berkelakuan sedemikian ekoran kononnya berikutan pemansuhan beberapa undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Walaubagaimanapun, mereka silap kerana negara ini belum ketandusan undang-undang. Tindakan tegas akan tetap diambil terhadap golongan ini melalui undang-undang lain yang masih berkuatkuasa termasuklah Akta Hasutan 1948 , Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Kanun Keseksaan 1950 . Pada masa yang sama Kerajaan juga dari semasa ke semasa terus mengkaji**

**undang-undang sedia ada untuk memastikan ianya sentiasa relevan dan bersesuaian dengan perkembangan keadaan semasa.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan rakyat yang dinikmati selama ini.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Kerajaan tidak memandang serius terhadap laporan RCI yang mengesyorkan IPCMC. Mengapakah laporan RCI. berkaitan PATI. di Sabah lambat disiarkan sedangkan Kerajaan telah acap kali menubuhkan "Royal Commission of Inquiry" dan membelanjakan peruntukkan yang besar dalam melaksanakannya.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana yang dimaklumi, Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah yang ditauliahkan pelantikannya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 21 September 2012 dan berakhir pada 22 Mei 2014 telah pun menyiapkan laporan hasil siasatannya. Suruhanjaya ini juga telah selesai mempersembahkan laporan siasatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 14 Mei 2014 selaras dengan tauliah penubuhan Suruhanjaya ini untuk menyerahkan laporan lengkap setelah siasatan diselesaikan.

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan akan memberi perhatian yang serius terhadap laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah ini.

Sekian. Terima kasih.